



Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
National Pharmaceutical Control Bureau
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj. Kami : (2) dlm.BPFK/11/81 Jld.2

Tarikh : 6 April 2011

SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK

SEMUA PEMEGANG NOTIFIKASI KOSMETIK

SEMUA PERSATUAN BERKENAAN

Tuan/Puan,

**KEPERLUAN MENGEMUKAKAN DOKUMEN SOKONGAN PENGESAHAN
TAHAP PENCEMARAN RADIOAKTIF BAGI PRODUK YANG DIIMPORT DARI
NEGARA JEPUN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pihak pemegang pendaftaran produk/notifikasi kosmetik yang mengimport produk berdaftar atau kosmetik bermotifikasi dari lima (5) prefecture Ibaraki, Gunma, Tochigi, Fukushima dan Chiba di Jepun diminta untuk mengemukakan dokumen sokongan pengesahan tahap pencemaran radioaktif bagi setiap kelompok yang diimport.
3. Dokumen sokongan tersebut perlu dikemukakan oleh pihak pengimport yang dilantik oleh pihak pemegang pendaftaran produk/notifikasi kosmetik, di setiap pintu masuk untuk semakan pihak Penguat Kuasa Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia.
4. Bagi pemegang yang gagal mengemukakan dokumen tersebut, sampel produk akan diambil oleh pihak Penguat Kuasa Farmasi untuk ujian tahap radioaktif. Pihak pemegang pendaftaran produk/notifikasi kosmetik dibenarkan untuk membawa masuk produk tersebut, tetapi tidak dibenarkan untuk dipasarkan sehingga hasil ujian menunjukkan bahawa produk tersebut lulus standard yang ditetapkan. Produk yang didapati gagal ujian tersebut perlu dikembalikan ke negara asal dengan kadar segera.

5. Pihak pemegang pendaftaran produk/notifikasi kosmetik bertanggungjawab memastikan keperluan-keperluan di atas dipatuhi bagi menjamin keselamatan orang ramai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DR TAJUDDIN BIN AKASAH)

Timbalan Pengarah Regulatori Farmasi
b.p. Pengarah Regulatori Farmasi
Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan
Kementerian Kesihatan Malaysia.

- s.k
1. Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
 2. Pengarah Penguat Kuasa Farmasi
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
 3. Pengarah Amalan dan Perkembangan Farmasi
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia
 4. Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)
 5. Semua Timbalan Pengarah
Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan

za/na/ssar